KANG TAY WAH A

lwn.

KANG AI THIAN & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR B
UMI KALTHUM MAJID PK
[GUAMAN SIVIL NO: 23-1-06]
17 MEI 2010

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah - Permohonan untuk menguatkuasakan penghakiman - Penyerahan permohonan, sama ada mesti ke atas defendan-defendan sendiri - Sama ada mahkamah mempunyai kuasa untuk menetapkan tempoh masa bagi defendan-defendan mematuhi penghakiman tersebut - Sama ada defendan-defendan seharusnya dikenakan proses pelaksanaan jika mereka abai mematuhi penghakiman tersebut - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 42 k. 6(1), A. 45 k. 6(1), (2), (3), A. 92 k. 4* C D

Plaintif memohon di kandungan 34 untuk, antara lain, prayer-prayer berikut: (1) defendan-defendan hendaklah mematuhi perenggan (d) sehingga (g) penghakiman bertarikh 28 Februari 2008 ('penghakiman tersebut') dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh perintah dan penghakiman dan penghakiman tersebut disampaikan kepada defendan-defendan; dan (2) sekiranya defendan-defendan abai mematuhi penghakiman tersebut dan untuk perenggan (d) sehingga (g) penghakiman tersebut, mengikut masa yang dihadkan iaitu 30 hari dari tarikh perintah dan penghakiman tersebut disampaikan kepada defendan-defendan, mereka boleh dikenakan proses pelaksanaan bagi maksud memaksa mereka mematuhinya. Defendan-defendan menentang permohonan plaintif dan menghujah bahawa: (i) plaintif tidak mematuhi A. 45 k. 6(3) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') dan oleh itu tiada permohonan di hadapan mahkamah. Ini adalah oleh kerana permohonan dalam kandungan 34 mesti diserah ke atas defendan-defendan sendiri, akan tetapi peguamcara plaintif telah sendiri mengakui bahawa kandungan 34 telah diserah ke peguamcara defendan-defendan dan bukan ke atas defendan-defendan sendiri; dan (ii) permohonan plaintif di kandungan 34 adalah sama dengan di kandungan 26, di mana kandungan 26 telah ditolak dengan kos. Dalam kedua-dua kandungan 26 dan 34, plaintif telah memohon tempoh masa dan "Penal Notice" dimasukkan pada penghakiman tersebut. Plaintif E F G H I

sebaliknya berhujah bahawa perintah yang dipohon dalam kandungan 34 adalah berbeza dengan kandungan 26 dan permohonannya di kandungan 34 adalah berasaskan A. 42 k. 6(1) dibaca bersama A. 45 k. 6(2) KMT.

Diputuskan (membenarkan permohonan plaintif dengan kos):

(1) Walaupun benar peruntukan A. 45 k. 6(3) KMT memerlukan permohonan dalam kandungan 34 diserahkan ke atas defendan-defendan sendiri namun memandangkan bahawa peguamcara defendan-defendan telah hadir untuk mereka pada sepanjang masa yang matan dan telah memfailkan hujahan bertulis bagi mereka, adalah jelas bahawa mereka mempunyai pengetahuan tentang kandungan 34 dan diwakili oleh peguamcara mereka sepanjang masa. Oleh itu tidaklah memadai bagi defendan-defendan membangkitkan isu ini. *Sykt Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn Bhd v. Sri Komakmur Sdn Bhd (diikuti)*. (perenggan 8)

(2) Permohonan plaintif di kandungan 34 adalah berbeza dengan kandungan 26. Kandungan 26 telah ditolak kerana plaintif ingin membuat pindaan ke atas penghakiman tersebut di bawah A. 20 k. 11 dan A. 92 k. 4 KMT dengan memasukkan pengindorsan notis penal di mana tempoh masa defendan-defendan dikehendaki mematuhi penghakiman tersebut dinyatakan. Manakala di kandungan 34, plaintif telah memohon di prayer 1 untuk mahkamah menggunakan kuasanya di bawah peruntukan A. 45 k. 6(2) yang dibaca bersama-sama dengan A. 42 k. 6(1) KMT untuk menetapkan tempoh masa bagi defendan-defendan mematuhi penghakiman tersebut. Adalah jelas A. 45 k. 6(2) KMT membolehkan mahkamah ini membenarkan permohonan plaintif di prayer 1, dan dengan ini mahkamah ini membenarkannya. Mahkamah ini berbuat demikian walaupun di perenggan (d) dan (e) penghakiman tersebut, ada dinyatakan tempoh masa "dengan serta merta", yang jelas tidak mampu dipatuhi oleh defendan-defendan. Namun, peruntukan A. 45 k. 6(1) KMT membolehkan mahkamah ini berbuat demikian. Lagipun pihak defendan-defendan nampaknya telah bersetuju dengan pendekatan plaintif bahawa tiada tempoh masa telah ditetapkan. *General (Rtd) Tan Sri Hashim Mohd Ali & Anor v. Francis MG Mirandah* (dibezakan). (perenggan 13)

(3) Memandangkan di bawah prayer 1 terdapat suatu tempoh masa ditetapkan untuk defendan-defendan mematuhi perenggan (d) sehingga (g) penghakiman tersebut, maka perintah susulan yang menyatakan sekiranya defendan-defendan gagal berbuat demikian mereka haruslah boleh dikenakan proses pelaksanaan untuk memaksa mereka mematuhinya di prayer 2, boleh dibenarkan. Oleh itu, mahkamah membenarkan prayer 2 dengan menggunakan kuasa budibicaranya di bawah A. 92 k. 4 KMT demi mengelak ketidakadilan terhadap plaintif. (perenggan 14)

Kes-kes yang dirujuk:
Cotton v. Heyl [1930] 1 Ch 510 ***(dirujuk)***
General (Rtd) Tan Sri Hashim Mohd Ali & Anor v. Francis MG Mirandah [2000] 4 AMR 4699 ***(dibezakan)***
Re Wilde [1910] WN 128 ***(dirujuk)***
Sykt Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn Bhd v. Sri Komakmur Sdn Bhd (2) [1998] 3 CLJ 841 HC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 14, O. 20 r. 11, O. 42 r. 6(1), (2), O. 45 r. 6(2), (3), O. 92 r. 4

Sumber-sumber yang dirujuk:
Malaysian Court Practice High Court, vol. 11, perenggan 42.6.5

Bagi pihak plaintif - Dr Tan Seu Mee; T/n Soh Yok Lam & Co
Bagi pihak defendan - Diljit Kaur Puran Singh; T/n Ti-Hazalan & Co

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Umi Kalthum Majid PK:

Permohonan

[1] Plaintif memohon di kandungan 34 untuk suatu perintah seperti berikut:

1.1. Defendan-defendan hendaklah mematuhi perenggan (d) sehingga (g) penghakiman bertarikh 28 Februari 2008 dalam tempoh masa 30 hari dari tarikh perintah dan penghakiman dan penghakiman bertarikh 28 Februari 2008 disampaikan kepada defendan-defendan;

A 1.2. sekiranya defendan-defendan abai mematuhi penghakiman bertarikh 28 Februari 2008 dan untuk perenggan (d) sehingga (g) penghakiman bertarikh 28 Februari 2008, mengikut masa yang dihadkan iaitu 30 hari dari tarikh perintah dan penghakiman bertarikh 28 Februari 2008 B disampaikan kepada defendan-defendan, defendan-defendan boleh dikenakan proses pelaksanaan bagi maksud memaksa defendan-defendan mematuhinya;

1.3. kos mengikut kausa.

C

Fakta

[2] Pada 28 Februari 2008, mahkamah ini telah membenarkan permohonan plaintif di bawah A. 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ("KKMT") di kandungan 7 (lihat eks. 'KTW1', D perintah, bertarikh 28 Februari 2008, afidavit sokongan, kandungan 34A; eks. 'KTW2', penghakiman bertarikh 28 Februari 2008, kandungan 34A).

[3] Walaupun perintah dan penghakiman itu telah diserahkan E kepada peguam cara defendan-defendan melalui surat firma peguam cara plaintif bertarikh 9 Mei 2008 (eks. 'KTW3', kandungan 34A), defendan-defendan sehingga hari ini enggan, cuai dan/atau gagal mematuhi terma-terma penghakiman itu.

F **[4]** Adalah diperuntukkan dalam penghakiman tersebut di perenggan (d)-(g) seperti berikut:

> **Maka Adalah Pada Hari Ini Dihakimi Secara Penghakiman Terus** bahawa:
>
> G ...
>
> (d) satu injunksi mandatori ("mandatory injunction") mengarahkan Defendan-Defendan dengan serta-merta dan atas kos dan perbelanjaannya sendiri memulangkan dan membaikpulih ("reinstate and rehabilitation") tanah Plaintif H kepada keadaan asalnya dengan melakukan perkara-perkara berikut:
>
> (i) mengalir air yang bertakungan di atas tanah Plaintif dan menimbus bahagian tanah Plaintif yang telah digali dengan tanah ("to remove the water and to backfill the excavated I land on the Plaintiff's property with earth") kepada satu ketinggian ("level") yang bersamaan dengan ketinggian ("level") asal tanah Plaintif tersebut;

(ii) mengecilkan dan/atau memindah kolam di atas tanah Defendan tersebut kepada satu jarak yang selamat dari tanah Plaintif dan membina satu tanah sempadan yang kuat ("reinforced retaining earthwall") di atas sempadan antara tanah Plaintif dan Defendan-Defendan demi untuk mengembalikan sokong ke atas tanah Plaintif seperti yang dikehendaki oleh undang-undang;

(iii) membersihkan tanah Plaintif dengan mengeluarkan segala tanah dan bahan-bahan lain yang telah digali dan yang dibuang dan/atau didepositkan di atas tanah Plaintif tersebut;

(e) satu injunksi mandatori ("mandatory injunction") mengarahkan Defendan-Defendan dengan serta-merta dan atas kos dan perbelanjaannya sendiri membina satu pagar halangan ("retaining fencing") di atas sempadan antara tanah Plaintif dengan tanah Defendan tersebut dan untuk mengambil segala langkah-langkah yang sesuai untuk menghapuskan ("eradicate") keadaan yang merbahaya yang telah ditimbulkan dan/atau diakibatkan oleh Defendan-Defendan tersebut;

(f) satu injunksi mandatory ("mandatory injunction") mengarahkan Defendan-Defendan dalam mematuhi segala perintah-perintah di atas, hendaklah atas kos dan perbelanjaannya sendiri memastikan bahawa segala kerja memulangkan dan membaikpulih ("reinstate and rehabilitate") tanah Plaintif hendaklah dijalankan menurut spesifikasi-spesifikasi, pelan-pelan yang sah dan disediakan oleh arkitek dan/atau jurutera dan/atau jurukur dan/atau pihak-pihak berkenaan lain yang berlesen dan bertauliah dan yang dipersetujui oleh Plaintif dan/atau yang diarahkan oleh Mahkamah Yang Mulia ini;

(g) satu perintah bahawa penyempurnaan kerja-kerja menurut perintah-perintah di atas hendaklah disokong oleh satu sijil penyempurnaan ("completion certificate") yang dikeluarkan oleh arkitek dan/atau jurutera dan/atau jurukur dan/atau pihak-pihak berkenaan lain yang dinyatakan di dalam perenggan (f) di atas tersebut;

...

[5] Memandangkan bahawa perenggan (d)-(g) penghakiman tersebut tidak menetapkan tempoh masa untuk defendan-defendan mematuhinya maka plaintif membuat permohonan ini agar defendan-defendan boleh dikenakan proses pelaksanaan untuk memaksa defendan-defendan mematuhinya.

[6] Defendan-defendan tidak memfailkan afidavit jawapan kepada afidavit sokongan plaintif itu.

Pertimbangan Dan Keputusan

[7] Mengikut hujahan peguam defendan-defendan, defendan-defendan tidak memfailkan afidavit jawapan kerana sedar bahawa A. 45 k. 6(3) tidak dipatuhi oleh plaintif, dan oleh itu tiada permohonan di hadapan mahkamah. Ini adalah oleh kerana permohonan dalam kandungan 34 mesti diserah ke atas defendan-defendan sendiri, akan tetapi peguam cara plaintif telah sendiri mengakui bahawa kandungan 34 telah diserah ke atas peguamcara defendan-defendan dan bukan ke atas defendan-defendan sendiri.

[8] Walaupun benar peruntukan A. 45 k. 6(3) memerlukan permohonan dalam kandungan 34 diserahkan ke atas defendan-defendan sendiri namun memandangkan bahawa peguam cara defendan-defendan telah hadir untuk pihak defendan-defendan pada sepanjang masa yang matan dan telah memfailkan hujahan bertulis bagi defendan-defendan, adalah jelas bagi saya bahawa defendan-defendan mempunyai pengetahuan tentang kandungan 34 dan diwakili oleh peguam cara mereka sepanjang masa. Oleh itu tidaklah memadai bagi defendan-defendan membangkitkan isu ini. Dalam konteks kes ini, saya bersetuju dengan keputusan *Sykt Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. v. Sri Komakmur Sdn. Bhd. (2)* [1998] 3 CLJ 841.

[9] Adalah dihujahkan oleh peguam defendan-defendan bahawa permohonan plaintif di kandungan 34 adalah sama dengan di kandungan 26, di mana kandungan 26 telah ditolak dengan kos. Dalam kedua-dua kandungan 26 dan 34, plaintif telah memohon tempoh masa dan "Penal Notice" dimasukkan pada penghakiman tersebut. Perbezaaan adalah dalam kandungan 26, permohonan dibuat menurut A. 20 k. 11 dan suatu Cadangan Perintah Terpinda telah dilampirkan kepada permohonan itu. Bagi kandungan 34, plaintif telah memohon kemasukkan suatu tempoh masa dan "Penal Notice" tanpa menyebut peruntukan di bawah mana plaintif telah bersandar. Berdasarkan autoriti kes *General (Rtd). Tan Sri Hashim Mohd. Ali & Anor v. Francis a/l MG Mirandah* [2000] 4 AMR 4699; *Re Wilde* [1910] WN 128, CA, dan *Cotton v. Heyl* [1930] 1 Ch 510 (yang dirujuk daripada *Malaysia Court Practice High Court* (Vol. 11), tempoh masa untuk berbuat sesuatu hanya dapat ditambah kepada suatu perintah dalam tiga

keadaan sebagaimana dinyatakan di perenggan 42.6.5 *Malaysian Court Practice High Court* (Vol. 11), iaitu "(a) to pay money to same other person, (b) to give possession of any land; (c) to deliver movable property", iaitu di bawah A. 42 k. 6(2) KKMT. Memandangkan peguam cara plaintif telah gagal mengemukakan apa-apa autoriti untuk menunjuk suatu perintah injunksi yang cacat "on two counts", iaitu, yang gagal menyebut bukan sahaja tempoh masa untuk membuat sesuatu, tetapi yang juga gagal mengandungi "Penal Notice" yang perlu dicatit pada setiap perintah injunksi, boleh dipulihkan kemudiannya, oleh itu peguam cara defendan-defendan menghujah kandungan 34 ditolak dengan kos.

[10] Peguam cara plaintif berhujah bahawa perintah yang dipohon dalam kandungan 34 adalah berbeza dengan kandungan 26. Bahawa walaupun mahkamah ini telah menolak kandungan 26, mahkamah ini telah memberi kebebasan kepada plaintif untuk memohon semula. Berdasarkan nota keterangan mahkamah, kenyataan peguam cara plaintif ini adalah benar.

[11] Mengikut peguam cara plaintif seterusnya, permohonan plaintif di kandungan 34 adalah berasaskan A. 42 k. 6(1) dibaca bersama A. 45 k. 6(2) KKMT (walaupun rujukan kepada kedua-dua aturan tersebut tidak dinyatakan dalam saman dalam kamar itu). Bahawa kes *General (Rtd.) Tan Sri Hashim Mohd. Ali (supra)* tidak terpakai bagi kes ini kerana kes tersebut adalah berhubung A. 20 k. 11. Adalah dihujahkan bahawa mahkamah ini mempunyai kuasa untuk menetapkan tempoh masa untuk defendan-defendan mematuhi perenggan (d) sehingga (g) penghakiman tersebut. Peguam cara plaintif juga berhujah bahawa prayer 2 kandungan 34 patut dibenarkan kerana kini ada tempoh masa ditetapkan untuk defendan-defendan mematuhinya, dan sekiranya defendan-defendan gagal berbuat demikian, defendan-defendan haruslah boleh dikenakan proses pelaksanaan untuk memaksa mereka mematuhinya.

[12] Berhubung dengan tafsiran pihak defendan-defendan mengenai A. 42 k. 6(1) dan 6(2), peguam cara plaintif berhujah bahawa pihak defendan-defendan telah memberi tafsiran mengenai peruntukan itu yang tersasar. Bahawa A. 42 k. 6(1) dan 6(2) adalah jelas memperuntukkan mana-mana penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang melakukan sesuatu mesti menetapkan tempoh masa selepas penghakiman atau perintah itu diserahkan untuk berbuat demikian kecuali suatu penghakiman atau

perintah yang menghendaki seseorang untuk membayar wang kepada seseorang yang lain, menyerahkan milikan apa-apa harta tak alih atau menghantarserahkan apa-apa harta alih. Memandangkan penghakiman tersebut tidak terjatuh di bawah kategori penghakiman yang dinyatakan dalam A. 42 k. 6(2), maka mengikut A. 42 k. 6(1), suatu tempoh masa perlu ditetapkan untuk tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh defendan-defendan. Saya bersetuju dengan hujahan peguam cara plaintif mengenai tafsiran A. 42 k. 6(1) dan 6(2) itu.

[13] Saya bersetuju bahawa permohonan plaintif di kandungan 34 adalah berbeza dengan kandungan 26. Kandungan 26 telah ditolak kerana plaintif ingin membuat pindaan ke atas penghakiman tersebut di bawah A. 20 k. 11 dan A. 92 k. 4 KKMT dengan memasukkan pengindorsan notis penal di mana tempoh masa defendan-defendan dikehendaki mematuhi penghakiman tersebut dinyatakan. Manakala di kandungan 34, plaintif telah memohon di prayer 1 untuk mahkamah menggunakan kuasanya di bawah peruntukan A. 45 k. 6(2) yang dibaca bersama-sama dengan A. 42 k. 6(1) untuk menetapkan tempoh masa bagi defendan-defendan mematuhi penghakiman tersebut. Aturan 45 k. 6(2) adalah seperti berikut:

> 2) Where, **notwithstanding Order 42 rule 6(1), or by reason of Order 42 rule 6(2)**, a judgment or order requiring a person to do an act does not specify a time within which the act is to be done **the Court shall have power subsequently** to make an order requiring the act to be done within such time after service of that order, or such other time, as may be specified therein. (tekanan ditambahkan)

Bagi saya, adalah jelas A. 45 k. 6(2) membolehkan saya membenar permohonan plaintif di prayer 1, dan saya dengan ini membenarkannya. Saya berbuat demikian walaupun saya ambil perhatian bahawa di perenggan (d) dan (e) penghakiman tersebut, ada dinyatakan tempoh masa "dengan serta merta", yang jelas tidak mampu dipatuhi oleh defendan-defendan. Namun, peruntukan A. 45 k. 6(1) membolehkan saya berbuat demikian. Lagi pun pihak defendan-defendan nampaknya telah bersetuju dengan pendekatan plaintif bahawa tiada tempoh masa telah ditetapkan. Kes *General (Rtd.) Tan Sri Hashim Mohd Ali* dibezakan.

[14] Saya juga bersetuju dengan hujahan peguam cara plaintif bahawa memandangkan di bawah prayer 1 terdapat suatu tempoh masa ditetapkan untuk defendan-defendan mematuhi perenggan (d) sehingga (g) penghakiman tersebut, maka perintah susulan yang menyatakan sekiranya defendan-defendan gagal berbuat demikian, defendan-defendan haruslah boleh dikenakan proses pelaksanaan untuk memaksa mereka mematuhinya di prayer 2 boleh dibenarkan. Saya dengan ini membenarkan prayer 2 dengan menggunakan kuasa budibicara saya di bawah A. 92 k. 4 demi mengelak ketidak adilan terhadap plaintif. Saya ambil perhatian di sini bahawa YA Hakim Abdul Aziz bin Mohamad dalam kes *General (Rtd) Tan Sri Hashim Mohd Ali* ada menimbang membenarkan pengindorsan notis penal itu (yang telah tertinggal dalam perintah yang hendak dilaksanakan itu) di bawah A. 92 k. 4, walaupun beliau berpendapat bahawa pindaan kepada perintah itu tidak boleh dibenarkan memandangkan perintah itu tidak boleh dilaksanakan melalui perintah komital kerana tempoh masa untuk membuat bayaran itu telah pun tamat.

Kesimpulan

[15] Oleh yang demikian, saya membenarkan permohonan plaintif dengan kos mengikut kausa.